

**Sultan Selangor Berbuka Puasa Dengan Rakyat Di Hulu Langat**  
**Bernama**  
**23 Ogos, 2011**

HULU LANGAT, 23 Ogos (Bernama) -- Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan berbuka puasa bersama kira-kira 1,500 orang rakyat di sekitar Masjid Taman Cheras Jaya di sini Selasa.

Pada majlis itu baginda turut menyampaikan sumbangan Hari Raya dari Lembaga Zakat Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor kepada 398 orang termasuk 99 orang anak yatim, 200 fakir miskin dan 99 orang saudara baru.

Baginda juga menunaikan solat tarawih di masjid itu.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Marzuki Hussin dan Pegawai Daerah Hulu Langat, Haris Kasim.

Haris memaklumkan bahawa terdapat 3,528 keluarga fakir miskin di daerah itu dan sebanyak RM2,821,000 telah diagihkan setakat ini oleh Pusat Zakat Selangor kepada mereka.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=609996>